

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 March 2016

Tindakan tamatkan khidmat Dr. M wajar

JOHOR BAHRU 12 Mac - Keputusan Kabinet menamatkan pelantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) adalah tindakan wajar memandangkan beliau tidak lagi menyokong kerajaan sedia ada.

Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBEC), Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, penamatan khidmat bekas Perdana Menteri itu juga adalah untuk faedah kepada kedua-dua belah pihak.

"Tun M (Tun Dr. Mahathir) sendiri memang nak pergi pun...ini sebenarnya untuk faedah kedua-dua pihak, kerajaan juga mendapat faedahnya.

"Ini adalah jelas, kalau kita tidak setuju dengan kepemimpinan kerajaan, kita keluar," katanya selepas melancarkan Projek Pendidikan dan Kemahiran Yayasan Bandaraya Johor Bahru Sesi 2016, di sini hari ini.

Di **KUALA LUMPUR** Pergerakan Pemuda UMNO menyambut baik dan menyokong penuh keputusan kerajaan untuk menamatkan khidmat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas).

Naib Ketuanya, **Khairul Azwan Harun** berkata, kerajaan mempunyai hak dan tanggungjawab untuk memastikan syarikat milik kerajaan



SHAHRIR ABDUL SAMAD

(GLC) itu diurus serta dijaga dengan baik.

"Tiada apa yang luar biasa tentang tindakan kerajaan itu. Petronas sebagai sebuah syarikat gasi minyak boleh diurus dengan baik oleh lembaga pengarah dan pengurusan sedia ada," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan Kabinet untuk menamatkan pelantikan bekas Perdana Menteri itu sebagai Penasihat Petronas.

Dalam pada itu di **JOHOR**, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Razali Ibrahim** berkata, sebagai sebuah kerajaan, jemaah menteri perlu membuat pendirian bagi memastikan urus tadbir sesuatu organisasi berjalan lancar selain keputusan itu merupakan hak prerogatif kerajaan.

Justeru, Razali berharap, perkara itu tidak dipanjangkan kerana usaha memantapkan Petronas bagi menghadapi suasana ekonomi hari ini jauh lebih penting berbanding mempertikai pelantikan atau penamatan sesuatu jawatan.

Sementara itu di **PAHANG**, Ketua Puteri UMNO negeri, **Azlina Azma Mohd. Azmi** berkata, pergerakan itu kesal dengan tindakan bekas Perdana Menteri bersama beberapa

Ulu - 13/3/2016
pemimpin UMNO yang memberi contoh tidak baik kepada golongan muda yang bakal menjadi pelapis kepemimpinan negara.

"Kami sedih kerana bekas pemimpin negara dan segeintir pemimpin bersekongkol dengan pembangkang sedangkan selama ini Dr. Mahathir sendiri sering mengecam agenda mereka," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat UMNO Bahagian Bentong.

Di **SABAH**, Ketua UMNO Bahagian Kota Kinabalu, **Datuk Faisal Diego** berkata, mematuhi dan setia kepada parti serta institusi Presiden merupakan sebahagian daripada 'ajaran' Dr. Mahathir yang kini diwarisi oleh ahli parti di bawah kepemimpinan Najib.

"Ketika saya masih di dalam Pergerakan Pemuda UMNO dahulu, perkara itulah, patuh kepada pemimpin, setia kepada parti, yang diajar oleh Tun (Dr. Mahathir)," katanya.

Di **PULAU PINANG**, Pengerusi Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Parlimen Bukit Bendera, **Syed Idrus Syed Abdul Rahman Al-Habshi** melihat pakatan Dr. Mahathir dan pembangkang untuk menjatuhkan Najib tidak akan berjaya dan tindakan itu hanya satu khayalan semata-mata.

Beliau menjelaskan, hal ini demikian kerana, kumpulan tersebut merupakan mereka yang berada di luar parti yang tidak mampu memberikan kesan apa-apa kepada pemerintahan Perdana Menteri.